

## Kandungan

<b>Kod Bahasa .....</b>	<b>5</b>
<hr/>	
<b>Pengenalan</b>	
Aksesori yang dibekalkan .....	98
Membersihkan cakera .....	98
Penetapan .....	98
<hr/>	
<b>Sambungan</b>	
Sambungan Kepada TV .....	99-100
Menggunakan bincu Video Komposit (CVBS) ... .....	99
Menggunakan bincu Komponen Video (Y Pb Pr) .....	99
Menggunakan aksesori peninggi rendahan RF .. .....	100
Menyambungkan kord kuasa .....	100
Pilihan : Sambungan Stereo 2-saluran .....	101
Stereo mempunyai bincu Dolby Pro Logic atau Audio Masuk Kanan / Kiri .....	101
Pilihan : Sambungan Penerima Digital AV ....	101
Sekiranya penerima anda mempunyai dekoder Dolby Digital atau MPEG2 .....	101
<hr/>	
<b>Pandangan Keseluruhan Fungsian</b>	
Panel depan dan belakang .....	102
Alat kawalan jauh .....	103
<hr/>	
<b>Cubaan Bermula</b>	
Langkah 1: Masukkan bateri ke dalam Alat Kawalan Jauh .....	104
Menggunakan Alat Kawalan Jauh untuk mengoperasikan Pemain .....	104
Langkah 2: Penetapan TV .....	104-106
Menetapkan ciri Skan Progresif (untuk TV Skan Progresif sahaja) .....	105
Memilih sistem warna yang bersepadan dengan TV anda .....	106
Langkah 3: Penetapan kecenderungan bahasa .. .....	107
Penetapan Bahasa OSD .....	107
Penetapan Bahasa Audio, Sarikata dan Bahasa menu cakera .....	107
<hr/>	
<b>Operasi Cakera</b>	
Cakera Yang Boleh Dimainkan .....	108
Kod Kawasan .....	108
Memainkan Cakera .....	109
Kawalan Mainan Semula Asas .....	109
Memilih pelbagai fungsi ulang/kocok .....	110
Mod mengulangi mainan .....	110
Mengulangi sebahagian daripada bab/trek	110
Operasi untuk main semula video (DVD/VCD/ SVCD) .....	111-112
Menggunakan Menu Cakera .....	111
Zoom masuk .....	111
Gerak Perlahan .....	111
Pencarian Ke Depan/Ke Belakang .....	111
OSD (Paparan Di Skrin) .....	112
Ciri-ciri Khas DVD .....	113
Memainkan Tajuk .....	113
Menukar Bahasa Audio (DVD/VCD) .....	113
Sarikata .....	113
Ciri-ciri Khas VCD & SVCD .....	113
Kawalan Mainan Semula (PBC) .....	113
Memainkan CD Gambar MP3/WMA/JPEG/ Gambar Kodak .....	114
Operasi Umum .....	114
Pilihan mainan semula .....	114
Zoom gambar .....	114
Mainan semula dengan berbilang sudut.....	114

## Kandungan

### Pilihan Menu Penetapan DVD

Menu Penetapan Awalan Umum .....	115
Bahasa OSD .....	115
Tidur .....	115
Menu Penetapan Audio .....	116
Menetapkan Downmix .....	116
Penetapan Audio Digital .....	116
Menu Penetapan Video .....	117-118
Jenis TV .....	117
Menetapkan Paparan TV .....	117
Progresif – buka/tutup .....	118
Ketajaman .....	118
Kecerahan / Kontras / Warna .....	118
Muka Surat Kecenderungan pengguna .....	119-121
Menu Audio, Sarikata, Cakera .....	119
Tahap Ibubapa .....	119-120
Menukar Kata Laluan .....	121
Mengekalkan semula penetapan default ....	121

<b>Menyelesaikan Masalah .....</b>	<b>122–123</b>
------------------------------------	----------------

<b>Spesifikasi .....</b>	<b>124</b>
--------------------------	------------

<b>Glossari .....</b>	<b>125</b>
-----------------------	------------

Bahasa Melayu

## Pengenalan

### Aksesori yang dibekalkan

Kabel Video Komposit  
(Kuning)



Kabel Audio  
(putih, merah)



Kord kuasa AC



Alat Kawalan Jauh dan  
dua bateri AAA




### Penetapan

#### Mencari lokasi yang sesuai

- Letakkan set tersebut di atas permukaan yang rata, keras dan stabil. Jangan letakkan di atas permaidani.
- Jangan posisikan set Ini di atas peralatan lain yang mungkin akan memanaskannya (misalnya penerima atau amplifier).
- Jangan letakkan apa-apa di bawah set ini (misalnya CD, majalah).

#### Ruang untuk pengedaran udara

- Letakkan alat di lokasi yang mempunyai pengedaran udara yang mencukupi bagi mengelakkkan pembentukan haba dalaman. Berikan ruang sekurang-kurangnya 10 sm (4.0") dari bahagian belakang dan atas set ini dan 5 sm (2.0") dari bahagian tepi dan kanan untuk mencegahnya daripada menjadi terlalu panas.



#### Elak suhu yang tinggi, kelembapan, air dan habuk

- Alat Ini tidak boleh didedahkan kepada titisan atau renjisan air.
- Jangan letakkan sebarang punca bahaya kepada alat Ini (misalnya objek berisi cecair, lilin menyala).

### Membersihkan cakera

Untuk membersihkan cakera, gunakan kain pembersih berserat mikro dan lapan cakera dari tengah hingga ke tepi dalam satu garisan yang lurus.



#### AWAS!

Jangan gunakan pelarut seperti benzin, pencair, pembersih yang terdapat secara komersial, atau penyembur anti statik yang bertujuan untuk cakera.

Oleh kerana unit optik (laser) perakam sistem DVD ini beroperasi pada kuasa yang lebih tinggi daripada pemain DVD atau CD biasa, CD pembersih yang bertujuan untuk pemain CD atau DVD boleh merosakkan unit optiknya (laser). Oleh itu, elak daripada menggunakan CD pembersih.

## Sambungan

### Sambungan Kepada TV



Bahasa Melayu

#### PENTING!

- Anda hanya perlu membuat **satu** sambungan video daripada pilihan berikut, bergantung kepada kebolehan sistem TV anda.
- Sambung Pemain DVD secara terus kepada TV

#### Menggunakan bincu Video Komposit (CVBS)

- 1 Gunakan kabel video komposit (kuning) untuk menyambungkan bincu CVBS (VIDEO OUT) Pemain DVD kepada bincu input video (atau dilabelkan sebagai A/V Masuk, Komposit atau "Baseband") pada TV (*kabel diberikan*).
- 2 Untuk mendengar saluran TV melalui sistem DVD ini, gunakan kabel audio (putih/merah) untuk menyambung bincu AUDIO OUT (L/R) ke bincu AUDIO IN yang sepadan pada TV (*kabel diberikan*).

#### PENTING!


- Kualiti video skan progresif hanya boleh diperoleh apabila Y Pb Pr dan TV skan progresif diperlukan.

#### Menggunakan bincu Komponen Video (Y Pb Pr)

- 1 Gunakan kabel komponen video (merah/biru/hijau) untuk menyambungkan bincu Y Pb Pr Pemain DVD kepada bincu masuk video Komponen bersepadan (atau dilabelkan sebagai Y Pb Pr atau YUV) pada TV (*kabel tidak diberikan*).
- 2 Untuk mendengar saluran TV melalui sistem DVD ini, gunakan kabel audio (putih/merah) untuk menyambung bincu AUDIO OUT (L/R) ke bincu AUDIO IN yang sepadan pada TV (*kabel diberikan*).
- 3 Terus ke muka surat 105 untuk penetapan Skan Progresif yang terperinci.

## Sambungan

### Menyambungkan kord kuasa



#### PENTING!

- Sekiranya TV anda hanya mempunyai satu bucu Antena masuk (atau dilabelkan sebagai 75 ohm atau RF Masuk), anda akan memerlukan satu peninggirendahan RF untuk melihat mainan semula DVD pada TV. Lihat peniaga elektronik anda atau hubungi Philips untuk butiran bagi terdapatnya dan operasi peninggirendahan RF.

#### Menggunakan aksesori peninggirendahan RF


- ① Gunakan kabel video komposit (kuning) untuk menyambung bucu CVBS (VIDEO OUT) Pemain DVD kepada bucu masuk video pada peninggirendahan RF.
- ② Gunakan kabel sepaksi RF untuk menyambungkan peninggirendahan RF kepada TV anda (kabel tidak diberikan).

**Selepas semuanya disambungkan dengan betul, pasangkan kord kuasa AC kepada saluran keluar kuasa.**


Jangan buat atau tukarkan sebarang sambungan dengan kuasa dipasangkan.

## Sambungan

### Pilihan : Sambungan Stereo 2-saluran



### Pilihan : Sambungan Penerima Digital AV



**Stereo mempunyai bincu Dolby Pro Logic atau Audio Masuk Kanan / Kiri**

- 1 Pilih satu daripada sambungan (CVBS VIDEO IN, COMPONENT VIDEO IN) bergantung kepada pilihan yang didapat pada TV anda.
- 2 Gunakan kabel audio (putih/merah) untuk menyambungkan bincu AUDIO OUT (L/R) Pemain DVD kepada bincu AUDIO IN bersepadan pada sistem stereo (kabel diberikan).

**Sekiranya penerima anda mempunyai dekoder Dolby Digital atau MPEG2**

- 1 Pilih satu daripada sambungan (CVBS VIDEO IN, COMPONENT VIDEO IN) bergantung kepada pilihan yang didapat pada TV anda.
- 2 Sambung sama ada bincu COAXIAL Pemain DVD kepada bincu Audio Masuk Digital COAXIAL bersepadan pada Alat Penerima anda (kabel tidak diberikan).
- 3 Setkan Output Digital Pemain DVD kepada PCM-ONLY atau ALL bergantung kepada kebolehan alat Penerima anda (lihat muka surat "Output Digital", muka surat 116).



*Tip:*

- Sekiranya format audio output digital tidak bersesuaian kepada kebolehan penerima, penerima tersebut akan mengeluarkan suatu bunyi kuat, dibenyotkan atau tiada bunyi langsung.

Bahasa Melayu

## Pandangan Keseluruhan Fungsian


### Panel depan dan belakang



**Peringatan :** Jangan sentuh pin dalaman pada penyambung di panel belakang. Pengeluaran elektrostatik mungkin akan menyebabkan kerosakan yang kekal pada unit.

## Pandangan Keseluruhan Fungsian

### Alat kawalan jauh




Bahasa Melayu

**Tip:**  
Tekan "STOP" selama lebih kurang 2 saat untuk MEMBUKA atau MENUTUP dulang cakera.

## Cubaan Bermula

### Langkah 1: Masukkan bateri ke dalam Alat Kawalan Jauh



- 1 Bukakan ruangan bateri
- 2 Masukkan dua bateri jenis R03 atau AAA., mengikut tanda (+ -) di dalam ruangan.
- 3 Tutupkan penutup.

### Menggunakan Alat Kawalan Jauh untuk mengoperasikan Pemain

- 1 Bidik Alat Kawalan Jauh secara terus kepada sensor kawalan jauh (IR) di panel depan.
- 2 Jangan letakkan sebarang objek di antara Alat Kawalan Jauh dengan Pemain DVD semasa mengoperasikan Pemain DVD.



### Langkah 2: Penetapan TV

#### PENTING!

Pastikan anda telah memelengkapkan semua sambungan yang diperlukan. (Lihat muka surat 99-100 "Sambungan kepada TV").

- 1 Pasangkan TV dan tetapkan kepada saluran video masuk yang betul. Anda harus lihat skrin latar belakang DVD Philips pada TV.
  - Biasanya, saluran-saluran ini adalah di antara saluran yang terendah dan yang tertinggi dan mungkin dipanggil sebagai FRONT A/V IN atau VIDEO. Lihat buku panduan TV untuk butiran lanjut.
  - Atau, anda boleh pergi ke saluran 1 pada TV, kemudiannya tekan butang Channel ke bawah berulang-kali sehingga anda melihat saluran Video Masuk.
  - Atau, Alat Kawalan Jauh TV mungkin mempunyai butang atau suis yang memilih saluran yang berlainan.
  - Atau, tetapkan TV kepada saluran 3 atau 4 sekiranya anda menggunakan peninggirendahan RF.
- 2 Sekiranya anda menggunakan peralatan luar (eg. Sistem audio atau penerima), pasangkan mereka dan pilih sumber input yang bersesuaian yang digunakan untuk menyambung kepada output pemain DVD. Rujuk kepada buku panduan pengguna TV anda untuk butiran lanjut).

Bahasa Melayu

#### BERWASPADA!

- Keluarkan bateri sekiranya mereka telah dihabiskan atau sekiranya Alat Kawalan Jauh tidak digunakan untuk masa yang lama.
- Jangan gunakan kombinasi bateri yang lama dengan yang baru atau jenis yang berbeza.
- Bateri mengandungi kandungan bahan kimia, maka mereka perlu dibuang dengan cara yang betul.

## Cubaan Bermula


### Menetapkan ciri Skan Progresif (untuk TV Skan Progresif sahaja)

Skan progresif memaparkan nombor bingkai sesaat sebanyak dua kali daripada skanng berselang (sistem TV biasa). Dengan hampir dua kali ganda bilangan garisan, skan progresif menawarkan resolusi dan kualiti gambar yang lebih tinggi.


#### PENTING!

**Sebelum membolehkan ciri skan progresif, anda mesti memastikan:**

- 1) TV anda boleh menerima isyarat progresif, TV skan progresif diperlukan.
- 2) Anda telah menyambungkan pemain DVD ke TV anda menggunakan Y Pb Pr (lihat muka surat 99.)
  - 1 Buka TV anda.
  - 2 Tutup mod skan progresif TV anda atau buka mod berselang (rujuk kepada buku panduan pengguna TV anda.)
  - 3 Tekan **POWER** (◊) pada alat kawalan jauh untuk membuka pemain DVD.
  - 4 Pilih saluran Input Video yang betul di TV (Lihat muka surat 104).  
→ Skrin latar DVD muncul di TV.
  - 5 Tekan **SETUP**.
  - 6 Tekan ▶ untuk memilih {VIDEO SETUP PAGE} (Muka Surat Penetapan Video).



- 7 Pilih {PROGRESSIVE} (Progresif) ke {ON}, kemudian **OK** untuk mengesahkan.  
→ Menu arahan muncul di TV.



- 8 Tekan ▲ untuk mencerahkan di menu **OK** dan tekan **OK** untuk mengesahkan.

**Akan ada gambar terganggu di TV anda pada masa ini sehingga anda membuka mod skan progresif di TV anda**

- 9 Buka mod skan progresif TV anda (rujuk kepada buku panduan pengguna TV anda)  
→ Menu di bawah muncul di TV.



- 10 Tekan ▲ untuk mencerahkan di menu **OK** dan tekan **OK** untuk mengesahkan.  
→ Penetapan sudah lengkap sekarang dan anda boleh mula menikmati gambar berkualiti tinggi.

**Untuk Menyahaktif Progresif secara manual:**

- Tunggu selama 15 saat untuk pemulihan automatik

ATAU

- 1 Tekan **OPEN/CLOSE** pada pemain DVD untuk membuka dulang cakera.
- 2 Tekan papan kekunci berangka '1' pada alat kawalan jauh untuk beberapa saat.  
→ Skrin latar DVD muncul di TV.

*Tip:*

– Terdapat beberapa TV skan progresif dan TV Berdefinisi Tinggi yang tidak sesuai dengan sistem DVD ini, mengakibatkan gambar yang tidak semula jadi apabila memainkan semula cakera DVD VIDEO dalam mod skan progresif. Dalam keadaan demikian, tutup ciri skan progresif pada sistem DVD dan TV anda.


Bahasa Melayu

**TIP:** Pilihan yang bergaris adalah penetapan kilang yang sedia ada.  
Untuk kembali ke menu sebelumnya, tekan ▲. Untuk menghilangkan menu tersebut, tekan **SETUP**.

## Cubaan Bermula

### Memilih sistem warna yang bersepadan dengan TV anda

Pemain DVD ini bersesuaian dengan kedua-dua NTSC dan PAL. Untuk membolehkan sesuatu cakera DVD dimainkan pada pemain ini, sistem warna Cakera, TV dan Pemain DVD perlu berpadanan.



Bahasa Melayu

- 1 Tekan **SETUP**.
- 2 Tekan ▶ untuk memilih {VIDEO SETUP PAGE} (Muka Surat Penetapan Video).
- 3 Tekan ▲ ▼ untuk menyerlahkan {TV TYPE} (Jenis TV) dan tekan ▶.
- 4 Tekan ▲ ▼ untuk menyerlahkan pilihan-pilihan berikut:

**PAL** – Pilih ini sekiranya sambungan TV adalah sistem PAL. Ia akan menukarkan isyarat video cakera NTSC dan output dalam format PAL.


**NTSC** – Pilih ini sekiranya sambungan TV adalah sistem NTSC. Ia akan menukarkan isyarat video cakera PAL dan output dalam format NTSC.

**Multi** – Pilih ini sekiranya sambungan TV bersesuaian dengan kedua-dua NTSC dan PAL (pelbagai-sistem). Format keluar akan bertepatan dengan isyarat video pada cakera disco.

- 5 Pilih suatu butir dan tekan **OK**.  
→ Ikut arahan yang ditunjukkan di TV untuk mengesahkan pilihan (jika ada).

**Tip:**

- *Sebelum menukar penetapan Jenis TV semasa, pastikan TV anda menyokong sistem 'Jenis TV yang dipilih'.*
- *Ikuti arahan yang muncul di skrin TV.*
- *Jika tidak terdapat gambar yang sempurna di TV anda, tunggu selama 15 saat bagi pembetulan secara automatik.*



**Untuk menetap semula kepada sistem warna TV lalai secara manual:**

- Tunggu selama 15 saat untuk pemulihan automatik  
ATAU
- 1 Tekan **OPEN/CLOSE** pada pemain DVD untuk membuka dulang cakera.
- 2 Tekan papan kekunci berangka '3' pada alat kawalan jauh untuk beberapa saat.  
→ Skrin latar DVD muncul di TV.

**TIP:** Pilihan yang bergaris adalah penetapan kilang yang sedia ada.  
Untuk kembali ke menu sebelumnya, tekan ▲. Untuk menghilangkan menu tersebut, tekan **SETUP**.

## Cubaan Bermula

### Langkah 3: Penetapan kecenderungan bahasa

Pilihan bahasa adalah berbeza bergantung kepada negara atau rantau anda. Ia mungkin tidak sama dengan ilustrasi yang ditunjukkan dalam buku panduan pengguna.

#### Penetapan Bahasa OSD

Bahasa di skrin untuk sistem menu akan kekal apabila anda menetapkannya, tidak kira pelbagai bahasa cakera.



- ① Tekan **SETUP**.
- ② Tekan **▶** untuk memilih {GENERAL SETUP PAGE} (Muka Surat Penetapan Awalan Umum).
- ③ Tekan **▲ ▼** untuk menyerlahkan {OSD LANGUAGE} (Bahasa OSD) dan tekan **▶**.
- ④ Tekan **▲ ▼** untuk memilih bahasa dan tekan **OK**.

#### Penetapan Bahasa Audio, Sarikata dan Bahasa menu cakera

Anda boleh memilih bahasa atau lagu dari audio, sari kata dan bahasa menu cakera yang andakehendaki. Sekiranya bahasa yang dipilih tidak didapati pada cakera, penetapan default bahasa pada cakera akan digunakan sebaliknya.

General	Audio	Video	Preference
-- Preference Page --			
Audio	English		
Subtitle	Chinese		
Disc Menu	French		
Parental	Spanish		
Password	Portuguese		
Default	Polish		
	Italian		
	Turkish		

- ① Tekan **STOP** dua kali kemudian, tekan **SETUP**.
  - ② Tekan **▶** untuk memilih {PREFERENCE PAGE} (Muka Surat Kecenderungan pengguna).
  - ③ Tekan **▲ ▼** untuk menyerlahkan salah satu daripada pilihan di bawah satu persatu, kemudian tekan **▶**.
    - 'Audio' (Audio) [Runut bunyi cakera]
    - 'Subtitle' (Sarikata) [Sarikata menu cakera]
    - 'Disc Menu' (Menu Cakera) [Menu cakera]
  - ④ Tekan **▲ ▼** untuk memilih bahasa dan tekan **OK**.
- Jika bahasa yang diingini tiada dalam senarai, pilih {LAIN}**  
Kemudian gunakan papan **kekunci berangka (0-9)** pada alat kawalan jauh untuk mengisi kod bahasa 4 angka 'XXXX' (lihat muka surat 5 {LANGUAGE CODE} (Kod Bahasa) dan tekan **OK**.
- ⑤ Ulang langkah ③ - ④ untuk penetapan lain.

Bahasa Melayu

**TIP:** Pilihan yang bergaris adalah penetapan kilang yang sedia ada.  
Untuk kembali ke menu sebelumnya, tekan **◀**. Untuk menghilangkan menu tersebut, tekan **SETUP**.

## Operasi Cakera

### PENTING!

- Sekiranya lambang (Ø) menghalang muncul pada skrin TV apabila suatu butang ditekan, ia bermakna fungsi tersebut tidak didapati pada cakera semasa atau pada masa semasa.
- Bergantung kepada DVD atau VIDEO CD, sesetengah operasi mungkin berbeza atau dihadkan.
- Jangan tekan dulang cakera atau meletakkan sebarang objek selain daripada cakera pada dulang cakera. Membuat begitu mungkin menyebabkan pemain cakera rosak.

### Cakera Yang Boleh Dimainkan

#### Pemain DVD anda boleh memainkan

- Cakera Versatil Digital (DVD)
- CD Video (VCD)
- CD Super Video (SVCD)
- Cakera Video Digital + Boleh Dirakam [Ditulis Semula] (DVD+R[W])
- Cakera Padat (CDs)
- Cakera MP3, fail gambar (Kodak,JPEG) pada CD-R[W].
  - JPEG/ISO 9660 format
  - Paparan maksimum 30 huruf
  - Menyokong frekuensi pengsamplingan: 32 kHz, 44.1 kHz, 48 kHz (MPEG-1)  
16 kHz, 22.05 kHz, 24 kHz (MPEG-2)
  - Menyokong kadar bit : 32-256kbps (MPEG-1)  
8-160kbps (MPEG-2), kadar bit berubah-ubah
- Cakera WMA pada CD-R[W].
  - Menyokong kadar bit : 32-192kbps



### Kod Kawasan

Pemain DVD dicipta untuk menyokong Sistem Pengurusan Serantau. Periksa nombor kod serantau di pek cakera. Jika nombornya tidak sepadan dengan nombor serantau Pemain (lihat rajah di bawah), alat Pemain mungkin tidak boleh memainkan semula cakera tersebut.

#### Tip:

- Mungkin tidak boleh main CD-R/RW atau DVD-R/RW dalam semua kes disebabkan oleh jenis cakera atau keadaan rakaman.
- Sekiranya nada mengalami kesulitan memainkan sesuatu cakera, pindahkan cakera dan cuba yang berlainan. Cakera yang tidak diformatkan dengan betul tidak akan dapat dimainkan pada Pemain DVD ini.

Rantau	Cakera boleh dimainkan (Contoh)
Rantau A.S dan Kanada	
Rantau U.K dan Eropah	
Rantau Asia Pasifik, Taiwan, Korea	
Australia, New Zealand, Latin Amerika	
Rusia dan India	
China, Kepulauan Calcos, Kepulauan Walls dan Futuna	

**TIP:** Ciri-ciri operasi yang diterangkan di sini mungkin tidak sesuai untuk cakera tertentu. Sentiasa rujuk kepada arahan yang dibekalkan bersama cakera tersebut.

# Operasi Cakera

## Memainkan Cakera

- ➊ Sambung kord kuasa pemain DVD dan TV (dan sebarang stereo atau alat penerima AV tidak wajib) kepada satu saluran keluar kuasa.
- ➋ Pasangkan kuasa TV dan tetap kepada saluran Video masuk yang betul. (Lihat muka surat 104 "Penetapan TV")
- ➌ Tekan **STANDBY ON** di panel depan pemain DVD.  
→ Skrin latar DVD muncul di TV.
- ➍ Tekan **OPEN/CLOSE ▲** untuk membuka dulang cakera dan masukkan cakera, kemudian tekan butang yang sama sekali lagi untuk menutup cakera.
- ➎ Pastikan bahagian label menelentang ke atas. Untuk cakera bersisi dua, masukkan bahagian yang anda ingin mainkan menelentang ke atas.
- ➏ Mainan semula akan bermula secara automatik. Jika tidak tekan **PLAY/PAUSE ▶II**.  
→ Sekiranya menu cakera menunjukkan pada TV, lihat muka surat sebelah pada "Menggunakan Menu Cakera" (Lihat muka surat 111).  
→ Sekiranya cakera dikunci dengan kawalan ibu bapa, anda mesti memasukkan kata laluan anda (Lihat muka surat 119-120).
- ➐ Untuk lebih banyak ciri main semula, lihat muka surat 109-113.

## Kawalan Mainan Semula Asas

Kecuali diisytiharkan sebaliknya, semua operasi yang digambarkan adalah berdasarkan kepada kegunaan Alat Kawalan Jauh.

### Menghentikan Sebentar Mainan Semula

- ➊ Semasa main semula, tekan **PLAY/PAUSE ▶II** untuk menjeda main semula dan memaparkan gambar pegun.  
→ Bunyi akan disenyapkan.
- ➋ Tekan **▼** untuk memilih gambar yang selanjutnya.
- ➌ Untuk kembali kepada mainan semula biasa, tekan **PLAY/PAUSE ▶II**.

### Memilih tajuk/trek/bab/sudut kamera

- ➊ Tekan **PREV ▲ / NEXT ▶** untuk pergi ke tajuk/trek/bab/sudut kamera sebelum atau selanjutnya.
- ➋ Dalam mod STOP, tekan **DISPLAY** untuk memaparkan garisan teks maklumat cakera bagi tajuk/trek/bab/sudut kamera (misalnya – 00/08).
- ➌ Gunakan **papan kekunci hurufangka (0-9)** untuk memasukkan nombor tajuk/trek/bab/sudut kamera yang sah, kemudian tekan **OK**.  
→ Main semula melangkau ke tajuk/trek/bab/sudut kamera yang dipilih.

### Menghentikan mainan semula

- ➊ Tekan **STOP ■**.

#### *Tip:*

- Penjimat skrin akan mula secara automatik jika cakera yang dimainkan berhenti/jeda selama 5 minit.
- Pemain akan bertukar secara automatik kepada mod Tunggu Sedia Kuasa jika anda tidak menekan sebarang butang selama 15 minit selepas cakera telah berhenti bermain.

Bahasa Melayu

**TIP:** Ciri-ciri operasi yang diterangkan di sini mungkin tidak sesuai untuk cakera tertentu. Sentiasa rujuk kepada arahan yang dibekalkan bersama cakera tersebut.

## Operasi Cakera

### Memilih pelbagai fungsi ulang/kocok

#### Mod mengulangi mainan

Bergantung kepada cakera, anda boleh memilih pelbagai mod mainan ulangan.

- ➊ Sambil memainkan cakera, tekan **REPEAT** secara berterusan untuk memilih 'Mod Main'.

#### Untuk DVD

- Chapter (bab yang sedang dimainkan)
- Title (titik yang sedang dimainkan)
- All (keseluruhan cakera)
- Off (batalkan)

#### Untuk Video CD, Audio CD

- Track (trek yang sedang dimainkan)
- All (keseluruhan cakera)
- Off (batalkan)

#### Untuk MP3

- Repeat One (fail yang sedang dimainkan)
- Repeat Folder (semua fail dalam folder pilihan)
- Folder (memainkan semua fail dalam satu folder sekali)
- Shuffle (semua fail dalam folder semasa dimainkan secara rambang)
- Single (memainkan fail semasa sekali)

### Untuk JPEG

Dalam mod STOP,

- Repeat One (fail yang sedang dimainkan)
- Repeat Folder (semua fail dalam folder pilihan)
- Folder (memainkan semua fail dalam satu folder sekali)
- Shuffle (semua fail dalam folder semasa dimainkan secara rambang)
- Single (memainkan fail semasa sekali)

Dalam mod PLAY,

- Repeat One (fail yang sedang dimainkan)
- Repeat All (memainkan semua fail dalam satu cakera)
- Repeat Off (batalkan)
- Shuffle (semua fail dalam folder semasa dimainkan secara rambang)
- Single (memainkan fail semasa sekali)

- ➋ Tekan **OK** untuk mengesahkan.

#### Mengulangi sebahagian daripada bab/trek

- ➊ Sambil memainkan cakera, tekan **REPEAT A-B** pada titik permulaan pilihan anda.

- ➋ Tekan **REPEAT A-B** sekali lagi di titik pengakhiran titik pilihan anda.  
→ Bahagian A dan B hanya boleh ditetapkan dalam bab/trek yang sama.  
→ Bahagian tersebut akan berulang sekarang secara berterusan.

- ➌ Untuk keluar daripada aturan, tekan **REPEAT A-B**.

**TIP:** Ciri-ciri operasi yang diterangkan di sini mungkin tidak sesuai untuk cakera tertentu. Sentiasa rujuk kepada arahan yang dibekalkan bersama cakera tersebut.

## Operasi Cakera

### Operasi untuk main semula video (DVD/VCD/SVCD)

#### Menggunakan Menu Cakera

Bergantung kepada cakera, suatu menu mungkin muncul pada skrin TV apabila anda memasukkan cakera.

#### Untuk memilih ciri mainan semula atau benda

- Gunakan **◀▶▲▼** atau pad kunci **berangka (0-9)** pada alat kawalan jauh, kemudian tekan **OK** untuk mula mainan semula.

#### Untuk akses atau keluar dari menu

- Tekan **DISC MENU** pada Alat Kawalan Jauh.

#### Zoom masuk

Fungsi ini membolehkan anda membesarlu gambar di skrin TV dan untuk menyorot gambar berar tersebut.

- ① Semasa mainan semula, tekan **ZOOM** berulang kali untuk memaparkan gambar dengan skala yang berbeza.
  - Gunakan kekunci **◀▶▲▼** untuk menyorot gambar besar tersebut.
  - Mainan semula akan bersambung.
- ② Tekan **ZOOM** berulang kali untuk kembali ke saiz yang asal.

#### Gerak Perlahan

- ① Tekan **▲** semasa mainan semula untuk memilih kelajuan yang diperlukan: **1/2, 1/4, 1/8 atau 1/6 (depan {DVD/SVCD/VCD})**.
  - Bunyi akan disenyapkan.
- ② Untuk kembali kepada kelajuan biasa, tekan **PLAY/PAUSE ▶II**.

#### Pencarian Ke Depan/Ke Belakang

- ① Tekan **◀** atau **▶** semasa mainan semula untuk memilih kelajuan yang diperlukan: **2X, 4X, 8X, 16x atau 20X (ke belakang atau depan)**.
  - Bunyi akan disenyapkan (DVD/VCD) atau sekejap-sekejap(CD).
- ② Untuk kembali kepada kelajuan biasa, tekan **PLAY/PAUSE ▶II**.

Bahasa Melayu

**TIP:** Ciri-ciri operasi yang diterangkan di sini mungkin tidak sesuai untuk cakera tertentu. Sentiasa rujuk kepada arahan yang dibekalkan bersama cakera tersebut.

## Operasi Cakera

### OSD (Paparan Di Skrin)

Fungsi ini memaparkan maklumat cakera di skrin TV semasa mainan semula.

- ① Semasa mainan semula, tekan **DISPLAY** berulang kali.
  - Senarai maklumat cakera yang ada muncul di skrin TV.
- ② Tekan **◀▶** untuk memilih pilihan main.
- ③ Masukkan masa, minit dan saat dalam kotak pengeditan masa dengan menggunakan pad kunci bernombor Alat Kawalan Jauh.
  - Mainan semula akan menukar masa pilihan atau tajuk/bab/trek yang dipilih.

### Untuk Super VCD,VCD

- {Disc Go To XX:XX}: membenarkan pilihan di sebarang bahagian dalam keseluruhan cakera.
- {Track Go To XX:XX}: membenarkan pilihan di sebarang bahagian dalam bab semasa.
- {Select Track XX:TT}: membenarkan pilihan di sebarang bab.

### Untuk DVD

- {Title CT:TT Chapter XX/TC}: memaparkan keseluruhan tajuk/bab yang terdapat di dalam cakera dan membenarkan pilihan di bab untuk tayangan.
- {Title CT:TT Time X:XX:XX}: memaparkan keseluruhan tajuk di dalam cakera dan membenarkan pilihan di masa jam, minit dan saat di tajuk berkenaan.
- {Chapter CC:TC Time X:XX:XX}: memaparkan keseluruhan bab di dalam cakera dan membenarkan pilihan di masa jam, minit dan saat di tajuk berkenaan.
- {Angle 1/2}: memaparkan keseluruhan sudut kamera di dalam cakera, memasukkan nombor yang sah dan mainan semula akan memaparkan sudut kamera yang dipilih.

## Operasi Cakera

### Ciri-ciri Khas DVD

#### Memainkan Tajuk

- ① Tekan **DISC MENU**.  
→ Menu tajuk cakera muncul di skrin TV.
- ② Gunakan kekunci **◀▶ ▲▼** atau **papan kekunci berangka (0-9)** untuk memilih pilihan main.
- ③ Tekan **OK** untuk mengesahkan pemilihan.

#### Menukar Bahasa Audio (DVD/VCD)

- Tekan **AUDIO** berulang kali untuk memilih bahasa audio yang berbeza.

#### Menukar Saluran Audio

##### Untuk VCD

- Tekan **AUDIO** untuk memilih saluran audio yang disediakan oleh cakera (MONO KIRI, MONO KANAN, MIX MONO, STEREO)

#### Sarikata

- Tekan **SUBTITLE** berulang kali untuk memilih bahasa sari kata yang berbeza.

### Ciri-ciri Khas VCD & SVCD

#### Kawalan Mainan Semula (PBC)

##### Untuk VCD dengan Kawalan Mainan Semula

###### Ciri PBC (versi 2.0 sahaja)

- Tekan **DISC MENU** untuk togol di antara 'PBC ON' dan 'PBC OFF'.  
→ Jika anda memilih 'PBC ON', menu cakera (jika ada) akan muncul di TV.  
→ Gunakan **NEXT ►** atau gunakan papan kekunci berangka (0-9) untuk memilih pilihan main.
  - Semasa mainan semula, tekan **RETURN/TITLE** untuk kembali ke skrin menu (jika PBC dihidupkan).
- Jika anda ingin melangkau menu indeks dan mainan semula terus daripada mula,**
- Tekan kekunci **DISC MENU** pada alat kawalan jauh untuk mematikan fungsi tersebut.

Bahasa Melayu

**TIP:** Ciri-ciri operasi yang diterangkan di sini mungkin tidak sesuai untuk cakera tertentu.  
Sentiasa rujuk kepada arahan yang dibekalkan bersama cakera tersebut.

## Operasi Cakera

### Memaikan CD Gambar MP3/ WMA/JPEG/Gambar Kodak

#### PENTING!

Anda perlu menghidupkan TV anda dan menetapkan kepada Video In channel yang betul. (Sila lihat muka surat 104 "Penetapan TV")

- Masukkan cakera Gambar (CD Gambar Kodak, JPEG).
  - Untuk cakera Kodak, pertunjukkan slaid akan bermula.
  - Untuk cakera JPEG, menu gambar muncul di skrin TV. Tekan **PLAY/PAUSE ▶II** untuk memulakan mainan semula pertunjukan slaid.

#### Operasi Umum

- 1 Masukkan cakera.
- 2 Gunakan **▲▼** untuk memilih folder dan tekan **OK** untuk membuka folder tersebut.



- 3 Tekan **▲▼** atau gunakan papan kekunci bernombor (0-9) untuk menerangkan pilihan.
- 4 Tekan **OK** untuk mengesahkan.
- Mainan semula akan mula dari fail yang dipilih hingga ke penghujung folder tersebut.

#### Pilihan mainan semula

Semasa mainan semula, anda boleh;

- Tekan **PREV ▲ / NEXT ▼** untuk memilih fail lain di dalam folder semasa.
- Tekan **PLAY/PAUSE ▶II** untuk berehat / menyambung mainan semula.

#### Ulangan

- Tekan **REPEAT** secara berterusan untuk mengakses 'Play Mode' yang berbeza.
  - REPEAT ONE(ULANG SATU): masih simpan imej JPEG di skrin atau memainkan fail MP3 berulang-kali.
  - REPEAT FOLDER(ULANG FOLDER): memainkan semua fail di dalam folder yang dipilih berulang-kali.
  - FOLDER: memainkan semua fail di dalam folder yang dipilih.
  - SHUFFLE(KOCOK): memainkan semua fail di dalam folder yang dipilih mengikut susunan rambang.
  - SINGLE(SEKALI): memainkan fail yang dipilih sebanyak sekali, kemudian kembali ke menu.

#### Maju ke hadapan / undur (MP3/WMA)

- Semasa mainan semula, tekan **◀▶** untuk maju ke hadapan atau undurkan mainan semula.
- Untuk menyambung semula mainan semula biasa, tekan **PLAY/PAUSE ▶II**.

**TIP:** Ciri-ciri operasi yang diterangkan di sini mungkin tidak sesuai untuk cakera tertentu. Sentiasa rujuk kepada arahan yang dibekalkan bersama cakera tersebut.

## Pilihan Menu Penetapan DVD

Penetapan Pemain DVD ini dilakukan melalui TV, membolehkan anda untuk menyesuaikan Pemain DVD supaya mengikut keperluan tertentu anda.

### Menu Penetapan Awalan Umum

- 1 Di dalam mod cakera, tekan **SETUP**.
- 2 Tekan **◀▶** untuk memilih {GENERAL SETUP} (Penetapan Awalan Umum).
- 3 Tekan **OK** untuk mengesahkan.



### Bahasa OSD

Menu ini mengandungi pelbagai pilihan bahasa untuk bahasa paparan di skrin.  
Untuk keterangan lanjut, lihat muka surat 107.

#### Tidur

Fungsi tidur membolehkan anda menutup Pemain DVD secara automatik selepas masa yang telah ditetapkan.

- 1 Di {GENERAL SETUP PAGE} (Muka Surat Penetapan Awalan Umum), tekan **▲▼** untuk menyerlahkan {SLEEP} (Tidur), kemudian tekan **▶**.
  - 15 Mins**  
Menutup Pemain DVD selepas 15 minit.
  - 30 Mins**  
Menutup Pemain DVD selepas 30 minit.
  - 45 Mins**  
Menutup Pemain DVD selepas 45 minit.
  - 60 Mins**  
Menutup Pemain DVD selepas 60 minit.
  - OFF**  
Menutup fungsi tidur.
- 2 Tekan **▲▼** untuk memilih penetapan, kemudian tekan **OK** untuk mengesahkan pilihan anda.

Bahasa Melayu

**TIP:** Pilihan yang bergaris adalah penetapan kilang yang sedia ada.  
Untuk kembali ke menu sebelumnya, tekan **◀**. Untuk menghilangkan menu tersebut, tekan **SETUP**.

## Pilihan Menu Penetapan DVD

### Menu Penetapan Audio

- 1 Di dalam mod cakera, tekan **SETUP**.
- 2 Tekan **◀▶** untuk memilih {AUDIO SETUP} (Penetapan Audio).
- 3 Tekan **OK** untuk mengesahkan.



Bahasa Melayu

### Menetapkan Downmix

Pilihan ini membolehkan anda untuk menetapkan output analog stereo Pemain DVD anda.

- 1 Di {AUDIO SETUP PAGE} (Muka Surat Penetapan Audio), tekan **▲▼** untuk menyerlahkan {DOWNMIX}, kemudian tekan **▶**.

### STEREO

Pilih ini untuk menukar output saluran kepada stereo yang menghantar bunyi dari dua speaker hadapan sahaja.

### LT/RT

Pilih pilihan ini jika Pemain DVD anda disambungkan kepada penyahkod Dolby Pro Logic.

- 2 Tekan **▲▼** untuk memilih penetapan, kemudian tekan **OK** untuk mengesahkan pilihan anda.

### Penetapan Audio Digital

Pilihan-pilihan yang termasuk di dalam Penetapan Audio Digital ialah: 'Digital Output' (Output Digital) dan 'LPCM'.

